

Air pasang besar dijangka tidak lama lagi

KUANTAN 3 Dis. - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan memberi tumpuan kepada fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku tidak lama lagi kerana ia boleh mengakibatkan

berlakunya banjir besar.



Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim

(gambar) berkata, hujan lebat dijangka berlaku dari sekarang sehingga Januari ini.

“Sehubungan itu, kita akan memberi tumpuan kepada air pasang besar yang dijangka berlaku pada penghujung bulan ini. Kalau masa itu hujan lebat berlaku secara berterusan, ditambah pula dengan air laut pasang, ia boleh menyebabkan banjir besar.

“Bagaimanapun, kita berdoa supaya fenomena itu tidak berlaku serentak kerana jika berlaku, ia boleh menyebabkan banjir besar seperti bencana di Thailand baru-baru ini,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Wan Mohd. Nor berkata, JBPM sentiasa bersiap-sedia untuk menghadapi kemungkinan berlakunya banjir yang lebih besar di seluruh negara.

“Lebih 10,000 anggota yang bekerja sepenuh masa telah bersedia hadapi sebarang kemungkinan,” katanya.